

**Masyarakat Tempatan Harap Kedatangan PM Bawa Harapan Baru Bagi  
Pembangunan Taiping  
Bernama  
14 Januari, 2012  
Oleh Zuhafizah Ahmad Zaki**

TAIPING, 14 Jan (Bernama) -- Bagi masyarakat Cina, kedatangan 'Tahun Naga' mengikut Kalendar Lunar yang akan diraikan minggu depan, pasti membawa pelbagai erti dalam kehidupan mereka.

Haiwan Naga ini membawa makna kemuliaan di samping menimbulkan rasa hormat, berkarisma, bersemangat, baik hati, ramah, berkuasa, yakin, berwarna-warni, berhati baik, serba boleh, petah, suka bergaul, berdikari dan mencintai kebebasan.

Lantas mereka mengharapkan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor dalam rangka kerja dua hari ke Perak terutamanya di Taiping, membawa harapan baru ke arah pembangunan Taiping sebagai antara Bandar Warisan negara dengan dilimpahi semangat 'Naga'.

Bagi seorang kerani, Leong Sook Mei, 39, yang turut berada di sekitar Casual Market di sini pagi ini untuk melihat Perdana Menteri dengan lebih dekat, meluahkan rasa gembira dengan kehadiran pemimpin nombor satu negara itu.

"Saya juga rasa gembira dengan kehadiran Perdana Menteri tambahan pula minggu depan masyarakat Cina akan menyambut Tahun Baru Cina. Saya berharap Perdana Menteri akan melakukan kerja dengan lebih baik lagi untuk rakyat. Nampaknya Perdana Menteri memang seseorang yang pentingkan perasaan kami sebagai rakyat," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berharap Perdana Menteri bersedia berbincang mengenai aduan dan masalah yang disuarakan oleh rakyat pada lawatan kerja dua harinya ke Perak.

Tan Hwa Nan, 80, seorang pesara guru bahasa Inggeris, pula berkata kehadiran Najib ke Taiping memberi peluang kepada beliau untuk melihat pemimpin utama negara itu dengan lebih dekat.

"Saya sangat gembira, lagipun minggu depan sudah mahu sambut Tahun Baru Cina. Ini pertama kali saya dapat lihat seorang Perdana Menteri dengan lebih dekat," katanya.

Beliau yang turut berada di Casual Market di sini bersama-sama isterinya Chan Yee Lian, 65, seorang suri rumah, berharap kehadiran Najib dapat memberi sebuah harapan baru kepada masyarakat di Taiping terutama dalam aspek pembangunan.

"Harap selepas ini Taiping lebih membangun. Kehadiran Najib membawa harapan lebih baik kepada rakyat, lagi ceria dan 'more blessing to Taiping'," katanya.

Sementara itu, peniaga Kuan Seng Hai, 50, dan anak perempuannya Joyce Kuan Yuen Fen, 15, berasa sedikit kecewa kerana tidak dapat berjabat tangan dengan Najib memandangkan kawasan Casual Market di sini dibanjiri beratus-ratus rakyat pelbagai lapisan semata-mata

untuk melihat dan bersalaman dengan Najib.

"Apabila mendapat tahu Perdana Menteri akan datang ke Taiping, anak saya ini 'bising' untuk berjumpanya. Tapi sampai sekarang masih belum dapat berjumpa dan bersalam sebab orang terlalu ramai," katanya.

Beliau sangat gembira dengan kehadiran Perdana Menteri ke Taiping hari ini dan berharap ia akan membawa perubahan dalam aspek pembangunan bandar itu dan masyarakat setempat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640073>